



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حَبَاتُ خَيْرٍ خَيْرٌ مِنَ الْكَلِمَاتِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 RAMADAN 1445H/ 22 MAC 2024M

"POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA"

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 21/03/2024

PEGAWAI PENYEMAK : SULFAUDY AWANG BESAR

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 20/03/24

DIBACA PADA : 22/03/24

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENYELONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفٰلْسِقُونَ (ال عمران ,

(110)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَإِ حَسَانَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari yang mulia ini saya mengingatkan diri saya dan menyeru para jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Bersempena Peringatan Hari Polis Ke-217 yang jatuh pada 25 Mac setiap tahun, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk " ***Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada***".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Apabila kita menyebut soal keamanan, ketenteraman awam, penguatkuasa undang-undang, mengesan, mencegah dan menangkap penjenayah serta mengumpul risikan keselamatan, maka akan terpapar di wajah kita susuk tubuh seseorang yang berketrampilan dan sedia berkhidmat menjalani tugas dan menggalas amanah. Mereka yang dimaksudkan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagaimana yang

termaktub dalam seksyen (3), Akta Polis 1967.

Keamanan bererti kita bebas dari segala bentuk ancaman yang boleh menggugat keharmonian. Apabila keamanan terus terpelihara, maka sudah pasti kemakmuran dan kesejahteraan hidup sesebuah negara akan tercipta. Keamanan juga menjadi asas utama dalam usaha menegakkan agama. Dalam situasi yang aman, kita dapat melakukan ibadah kepada Allah SWT dengan sempurna serta dapat melaksanakan urusan kehidupan dunia tanpa merasa takut dan gerun.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Tugas sebagai seorang anggota polis merupakan sebuah pekerjaan yang dipandang mulia di sisi agama Islam. Sebelum tugas melibatkan kenegaraan, tugas mereka sebagai suatu tanggungjawab terhadap perintah Allah dan juga Rasul-Nya, iaitu menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah berlakunya kemungkaran. Ia juga bertepatan dengan prinsip "**Maqasid Syari'ah**" dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka oleh sebab itu, agensi kepolisian negara bagi sambutan Hari Polis ke-217 masih mengekalkan "**Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada**" sebagai tema sambutan.

Tema sambutan ini menjelaskan tentang signifikan dua entiti yang saling memerlukan dan melengkapi. Kenapa tidak? Sekalipun tumpuan lebih kepada kerja pencegahan atau dalam erti kata lain penguatkuasaan, namun pada hakikatnya anggota polis salah satu institusi yang berperanan menyelamatkan masyarakat daripada kemurkaan Allah SWT iaitu dengan dipastikan setiap perlakuan yang boleh membawa kemudarat dan kezaliman akan dihalang, dicegah dan seterusnya dihukum. Andai peranan ini tidak dilakukan secara bersepadu, maka

masyarakat akan porak peranda dan sudah pasti akan menerima hukuman daripada Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW menegaskan yang bermaksud :

“sesungguhnya manusia apabila melihat orang zalim, namun tidak menghalangnya (orang yang berbuat kezaliman), hampir Allah akan meliputi mereka dengan hukuman-Nya” (HR. Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasa’ie)

Semoga kerjasama antara polis dan masyarakat akan terus kukuh dan teguh demi melahirkan masyarakat Malaysia Madani, Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Sebagai seorang anggota polis, mereka turut bertindak dalam mengawal ketenteraman awam sama ada di musim perayaan, majlis keramaian, perhimpunan dan pengurusan bencana. Namun, sebagai anggota perkhidmatan awam, mereka juga turut diperhatikan oleh masyarakat. Justeru dalam melaksanakan amanah yang diberikan, elemen integriti amat diutamakan.

Dalam kita membicarakan soal integriti, pelbagai persepsi dan pendapat di kalangan masyarakat terutamanya isu rasuah, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan penyelewengan. Meskipun ia dilakukan oleh segelintir individu atau kelompok tertentu sahaja, tempiasnya akan terkena kepada keseluruhan pasukan. Oleh yang demikian, sebagai orang Islam, kita hendaklah benar-benar menghayati nilai integriti dengan memahami dan mengamalkan Konsep Ihsan iaitu *dengan melakukan sesuatu perkara (ibadah) seolah-olah kita melihat Allah, jika sekiranya tidak melihat-Nya, maka ketahuilah bahawa segala perbuatan itu dilihat dan diperhatikan oleh Allah Azza Wajalla.*

Justeru kosep Ihsan ini perlu diamalkan baik dalam kehidupan masyarakat mahupun semua anggota perkhidmatan awam. Allah SWT menegaskan menerusi surah at-Taubah, ayat 105 :

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud : “ *Dan katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu akan segala yang diperintahkan, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang Maha mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan*”.

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa Integriti itu bermula dari dalam diri kita sendiri atas keyakinan bahawa segala apa yang dilakukan tidak akan terlepas daripada pengetahuan Allah SWT. Justeru itu masyarakat di sekeliling kita juga perlu berperanan serta tidak sekadar meletakkan tanggungjawab tersebut kepada anggota polis sepenuhnya. Anggota masyarakat perlu tampil ke hadapan membantu tugas-tugas polis untuk membentaras jenayah dengan menjadi mata dan telinga pihak polis dalam menyalurkan maklumat berkaitan keselamatan persekitaran tempat tinggal komuniti. Ini selaras dengan perintah Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah ali-'Imran, ayat 104 yang bermaksud : “*dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada Kebajikan dan menyuruh melakukan segala perbuatan yang baik, serta melarang daripada melakukan segala perbuatan yang salah (buruk dan keji), dan ingatlah mereka yang bersifat demikian termasuk daripada kalangan orang-orang yang berjaya*”.

SIDANG JAMAAH MASJID YANG DIMULIAKAN,

Sebelum khatib menoktahkan khutbah minggu ini, khatib turut mengingatkan jemaah sekalian agar lebih berhati-hati dengan keadaan persekitaran kita. Cuaca yang panas dan kering boleh menyebabkan pelbagai kesulitan berpunca daripada kecuaiian kita. Justeru marilah sama-sama kita menjaga lingkungan dengan tidak melakukan pembakaran terbuka dan sebagainya. Terdapat beberapa buah daerah di negeri ini yang mengalami fenomena kering dan kekurangan air untuk keperluan harian mereka. Lakukanlah solat sunat istisqa dan seterusnya perbanyakkan doa kepada Allah SWT agar menurunkan hujan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

اللَّهُمَّ اسْقِ عِبَادَكَ، وَبَهَائِمَكَ، وَأَنْشُرْ رَحْمَتَكَ، وَأَخِي بِأَدَاكَ الْمَيِّتَ

Yang bermaksud : “Ya Allah turunkanlah hujan kepada hamba-hamba-Mu, binatang ternakan serta luaskanlah rahmat-Mu dan hidupakanlah negeri-Mu yang mati.”
[Riwayat Abu Daud (1176)]

Menyimpulkan khutbah minggu ini, marilah kita sama-sama menghayati intipati yang terkandung di dalamnya seperti berikut :

Pertama- Ramadan adalah suatu bulan yang penuh dengan tawaran-tawaran hebat yang berupaya mendidik jiwa agar menjadi insan yang bertakwa.

Kedua- Memelihara kemakmuran dan keamanan adalah suatu perkara yang dituntut dalam kehidupan rakyat bagi sesebuah negara. Dan;

Ketiga- Peranan pasukan polis khususnya Polis Diraja Malaysia sudah tidak asing bagi kita, justeru setiap lapisan rakyat juga perlu berperanan dan bekerjasama menjaga kedaulatan undang-undang negara.

Allah SWT berfirman menerusi surah al-Maidah, ayat 2 :

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Yang bermaksud : "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat Kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)"

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang lebat merata, mengairi, menyuburkan, bermanfaat tanpa mencelakakan, turunkanlah hujan di sekitar kami, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, gunung-ganang, bukit-bukau, lembah, dan tempat tumbuhnya pepohonan

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.